

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Geetha memberitahu rakan-rakannya bahawa _____ akan tiba di Pantai Chenang pada pukul 5:00 petang.
A dia
B dikau
C beliau
D kalian

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Encik Talib membawa keluarganya _____ di Tasik Kenyir pada cuti sekolah yang lalu.
A buah tangan
B kasih sayang
C makan angin
D masam manis
5. Para penonton terpegun apabila mendengar _____ biola yang mendayu-dayu daripada pemuzik terkenal itu.
A petikan
B gesekan
C gosokan
D tepukan

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Saintis itu sanggup menempuh pelbagai cabaran untuk memastikan kajian yang dijalankan berjaya. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
7. Para pengguna hendaklah mengikis sikap gopoh-gapah ketika di jalanraya untuk mengelakkan kemalangan. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

2. Orang ramai yang ingin mengambil ujian memandu kereta diwajibkan agar menduduki _____ yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
A prasasti
B praujian
C prasyarat
D prasejarah
3. Kaki Izlan _____ ke dalam lubang ketika berjalan dalam gelap.
A terjelepok
B terperosok
C tersungkur
D terjunam

8. Restoran Seleraku itu sentiasa dikunjungi oleh banyak orang kerana berbagai jenis makanan ada dijual di situ. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
9. Pakaian yang digayakan oleh peragawati itu cantik-cantik nian sehingga dipuji oleh hadirin. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Bunyi enjin kereta yang *kasar* itu memecah kesunyian malam.
II Kain songket yang dibeli oleh Anita itu murah harganya kerana tenunannya *kasar*.
III Akibat terlalu kuat bekerja sejak muda, kedua-dua tapak tangan nenek *kasar*.
IV Tindakan *kasar* pemain bola sepak itu dalam perlawanan menyebabkan kad merah dilayangkan kepadanya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
11. I Pada *pengajaran* saya, budak-budak yang nakal patut dirotan.
II Jadikan kesilapan yang telah kamu lakukan sebagai *pengajaran*.
III Sebelum memulakan *pengajaran*, guru-guru seharusnya menarik perhatian murid terhadap tajuk yang akan dibincangkan.
IV Asam rebus buatan Salwa sedap kerana dia memasak berdasarkan *pengajaran* ibunya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja